

Air pasang di lima daerah terkawal

Limpahan air hanya pada kadar minimum



Daroyah ketika meninjau benteng penahan banjir di Kampung Tok Muda, kelmarin.

■ MOHD FAHMI ISMAIL

SHAH ALAM - Fenomena air pasang besar yang melanda lima daerah di negeri ini terkawal dengan limpahan air hanya pada kadar minimum.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, setakat ini hanya di Batu 5, Kapar, Klang dan daerah Sabak Bernam berlaku limpahan air.

Namun katanya, air surut dalam tempoh segera.

"Di Klang (kawasan Batu 5, Kapar) ban dalam keadaan baik, air laut melimpah dengan kadar minimum, manakala kawasan penempatan selamat.

"Sebahagian penduduk telah berpindah ke pusat pemindahan Dewan Serbaguna Jalan Palembang, Kampung Rantau Panjang.

"Manakala di kawasan Kampung Tok Muda, tiada limpahan air laut melepasi sepanjang ban dan kawasan pe-

“Sebahagian penduduk telah berpindah ke pusat pemindahan Dewan Serbaguna Jalan Palembang, Kampung Rantau Panjang. Manakala di kawasan Kampung Tok Muda, tiada limpahan air laut melepasi sepanjang ban dan kawasan penempatan serta jalan raya tidak dinaiki air.” - Mohd Sani Harul

nempatan serta jalan raya tidak dinaiki air.

"Sebahagian penduduk telah berpindah ke Dewan Serbaguna Kampung Tok Muda dan keadaan selamat dan terkawal," katanya.

Mohd Sani berkata, tiada limpahan air laut di kawasan Jeti Kampung Tok Muda, kerana bag guni pasir berfungsi dengan baik.

"Dua daerah iaitu Klang dan Sabak Bernam dikategorikan sebagai zon merah atau kawasan berisiko tinggi dilanda banjir manakala tiga daerah lagi iaitu Kuala Selangor, Kuala Langat dan Sepang sebagai zon kuning iaitu kawasan berisiko

sederhana," katanya.

Sementara itu, Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi turut singgah memantau kawasan benteng dan dewasa orang ramai di Kampung Tok Muda di sini, kelmarin.

Beliau juga memantau kawasan benteng yang pecah sehingga menjejaskan puluhan kediaman penduduk Kampung Batu 4 dalam kejadian fenomena air pasang besar bulan lalu.

"Semoga ALLAH melindungi semua. Alhamdulillah, kerja pembaikan benteng selesai dilaksanakan. Semoga ia terus kukuh menempuh asakan kederasan air laut kali ini dan akan datang," katanya.